

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 - 6/1/1 (7)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN
SUBANG JAYA BIL. 07 TAHUN 2013**

Tarikh : 30 Julai 2013 (Selasa)
Masa : 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari
**Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga,
Aras 2,
Majlis Perbandaran Subang Jaya**

HADIR

- | | | | |
|-----|---|---|-------------------------|
| 1. | YBhg. Dato' Asmawi bin Kasbi
Yang Dipertua MPSJ | - | Pengerusi |
| 2. | Tuan Haji Abdullah bin Marjunid
Setiausaha Perbandaran | - | Setiausaha
Mesyuarat |
| 3. | Encik Pooi Weng Keong | - | Ahli Majlis |
| 4. | Encik Arumugam a/l Kalimuthu | - | " |
| 5. | Encik Stephen Chin Sou Bong | - | " |
| 6. | Encik Keshminder Singh a/l K. Karam Singh | - | " |
| 7. | Encik Mohd Nasir bin Yusof | - | " |
| 8. | Puan Norhesni binti Ismail | - | " |
| 9. | Encik Sapiyan bin Mohd. Din | - | " |
| 10. | Encik Tai Cheng Heng | - | " |

- | | | | |
|-----|---|---|---|
| 11. | Dr. Loi Kheng Min | - | " |
| 12. | Encik Micheal Tamilarason a/l K. Nadaysen | - | " |
| 13. | Encik Sufari bin Tinnin | - | " |
| 14. | Encik Chong Hoon Ming | - | " |
| 15. | Puan Azizan binti Jamaludin | - | " |
| 16. | Encik Jaber bin Ami | - | " |
| 17. | Encik Muzammil bin Hafiz | - | " |
| 18. | Encik Chia Yew Ken | - | " |
| 19. | Puan Sazana binti Isa | - | " |
| 20. | Encik Chang Kim Loong, AMN | - | " |
| 21. | Encik Cheah Sang Soon | - | " |
| 22. | Encik Loka Ng Sai Kai | - | " |
| 23. | Encik Michael Noel Jalleh | - | " |

TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)

1. Encik Mohd. Zulkurnain bin Che Ali
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Hamizun binti Mohd. Basar
Pengarah, Jabatan Perancangan Korporat
3. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
4. Y.M. Raja Amir Iskandar bin Raja Azlan
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
5. Encik Mohd Fadzil bin Mahat
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
6. Encik Ismail bin Muhamad
Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
7. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
8. Puan Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman
Pengarah, Jabatan Hasil
9. Encik Norjafni bin Zainuddin
Pengarah, Jabatan OSC
10. Encik Ismail bin Salim
Pengarah, Jabatan Pelesenan
11. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin
Pengarah, Jabatan Kesihatan
12. Encik Zahiruddin bin Hashim
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
13. Encik Nor Azmi bin Mohd. Rosli
Pengarah, Jabatan Bangunan

14. Mejar Mohd Rasip bin Rasul (Bersara)
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
15. Puan Noraziah binti Ali
Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Audit Dalam
16. Encik Nazarudin bin Mashtuki
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan
17. Encik Noorhafez bin Nordin
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan COB
18. Encik Ahmad bin Hasan
Timbalan Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
19. Encik Hazman bin Mohd Mahayudin
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
20. Puan Aida binti Omar
Timbalan Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
21. Encik Azfarizal bin Abdul Rashid
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancangan Korporat
22. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
23. Encik Mohd Faudzi bin Nazaruddin
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
24. Cik Hasnor Salwa binti Harun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
25. Encik Muhammad Azli bin Miswan
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pelesenan
26. Encik Mohd Haizi bin Harun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan
27. Encik Mohd Razif bin Abdul Rahman
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan

28. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
29. Puan Nor Shahela binti Amzah
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perbendaharaan
30. Puan Norsilawati binti Mohd Yatim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Hasil
31. Encik Mohd Reyzal bin Mazlan
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
32. Encik Mohd Hafiz bin Sharif
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
33. Puan Aziana binti Mohamad Aripin
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
34. Encik Muhammad Hafidz bin Hassan
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
35. Puan Jaswani Nazmi binti Jamaluddin
Penolong Pengarah, Jabatan Pelesenan
36. Puan Sadzliawaty binti Mohamad Dom
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
37. Encik Mohd Syazwan bin Kamaruddin
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
38. Encik Khairul Nazim bin Arbain
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
39. Encik Nurli Izwan bin Osman
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
40. Cik Nadia binti Abu Baharin
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
41. Cik Adibah binti Abdullah
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta

42. Puan Raja Norfadzila binti Raja Ayob
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
43. Encik Mohd Safiee bin Junun
Penolong Pengarah, Jabatan Bangunan
44. Encik Mohd Kamil bin Basir
Penolong Pengarah, Jabatan Bangunan
45. Encik Mohd Aisamuddin bin Razali
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
46. Puan Nur Maini binti Ariffin
Penolong Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
47. Encik Alias bin Miskon
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
48. Encik Mohd Fadil bin Alos
Penolong Pengarah, Bahagian Audit Dalam
49. Encik Mohd Nazri bin Jamaludin
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
50. Puan Mimi Zareena binti Md Nor
Penolong Pengarah, Jabatan OSC
51. Encik Tarmidi bin Kadri
Penolong Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
52. Puan Diana binti Mohamed Daim
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
53. Encik Mohd Nor Affandi bin Isa
Penolong Pengarah, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan

URUSETIA

1. Puan Rosmawati binti Zainuddin
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Encik Isham bin Abu Kassim
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Habibah binti Ab.Manap
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan

1.0 DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Ustaz Mohd Nasir Bin Yusof, Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

2.0 UCAPAN Pengerusi

YBhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat pada kali ini adalah Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 07/2013 dan seterusnya memaklumkan beberapa perkara:

2.1 Konvensyen ICC Peringkat Wilayah Pantai Timur Tahun 2013 Anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

MPSJ telah menghantar tiga (3) pasukan KIK dalam Konvensyen ICC Peringkat Wilayah Pantai Timur anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), bertempat di Bukit Gambang Resort City, Kuantan, Pahang pada 25 - 26 Jun 2013.

Ketiga-tiga pasukan telah mengharumkan nama MPSJ apabila berjaya merangkul Anugerah Emas dalam penampilan sulung mereka. Pihak Majlis akan terus mempertingkatkan komitmen dalam memperkasakan pembangunan inovasi dalam urus tadbir dan sistem pengurusan MPSJ.

2.2 Anugerah Inovasi Sektor Awam Negeri Selangor (AISAS) 2013

MPSJ telah menerima Lawatan Panel Penilai Fasilitator Anugerah Inovasi Sektor Awam Negeri Selangor (AISAS) 2013 pada 02 Julai 2013 (Selasa) dan telah disenarai pendek ke peringkat akhir pada 17 Julai 2013 (Rabu).

MPSJ telah menggerakkan projek inovasi bertajuk *Pengurangan Sisa Organik di Pasar Awam Taman Sri Serdang Menggunakan Kaedah Vermicomposting dan Anaerobic Digestion Biogas*.

Pelaksanaan inisiatif pengurangan sisa organik di Pasar Awam Seri Serdang ini dijangka dapat mengurangkan masalah pengurusan sisa pepejal di samping memberi nilai tambah 'waste to wealth' kepada pihak Majlis.

2.3 Sukan Badan-Badan Berkanun Malaysia (SUKANUN) 2013

Sukacita dimaklumkan bahawa kontinjen Majlis Perbandaran Subang Jaya telah berjaya menduduki Tempat Ke-3 secara keseluruhan dalam Kejohanan Sukan Badan-Badan Berkanun Malaysia (Sukanun) Ke-8, 2013 yang telah berlangsung pada 24 Jun 2013 hingga 02 Julai 2013 bertempat di Universiti Malaysia Perlis, Perlis Indera Kayangan.

Pasukan DBKL telah menjuarai Kejohanan Sukanun pada kali ini manakala tempat kedua disandang oleh Pasukan Unimap.

Pencapaian yang diperolehi oleh pasukan MPSJ dalam kejohanan ini secara tidak langsung telah meletakkan kontinjen MPSJ berada pada kedudukan terbaik dikalangan seluruh Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Selangor.

Pasukan MPSJ telah berjaya memenangi 2 (dua) pingat emas menerusi acara Bola Jaring dan Bola Sepak, 3 (tiga) pingat perak menerusi acara Basikal Bukit, Badminton dan Petanque, dan 5 (lima) pingat gangsa menerusi acara Futsal Lelaki, Futsal Wanita, Bola Tampar Lelaki, Sepaktakraw dan Tenpin Bowling.

Pihak Pengurusan MPSJ mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah di atas pencapaian ini.

2.4 MPSJ Ke Arah Pensijilan Green 5S

MPSJ komited untuk memperkasakan Sistem Pengurusan Kualiti Menyeluruh melalui pelaksanaan program Green 5S. Program Gotong-Royong Perdana dan Pelancaran Program Ke Arah Pensijilan Green 5S telah diadakan pada 19 Julai 2013 (Jumaat) di Laman Kenanga, MPSJ dan telah dihadiri oleh semua warga kerja MPSJ.

Audit Pensijilan Green 5S akan diadakan pada 28 Ogos 2013 (Rabu) oleh pihak SIRIM QAS Sdn. Bhd. di mana sijil tersebut diiktiraf di Malaysia dan Hong Kong.

Pihak Majlis berharap seluruh warga kerja MPSJ dapat bersama-sama memberikan sokongan dan komitmen yang tinggi, sekaligus bergerak seiring dengan aspirasi MPSJ untuk memelihara alam sekitar yang lebih lestari untuk generasi kini dan akan datang.

2.5 Program Jelajah Kasih Ramadhan Majlis Perbandaran Subang Jaya 2013

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya telah berjaya menganjurkan satu program yang dinamakan Program Jelajah Kasih Ramadhan MPSJ 2013 pada 20 & 21 Julai 2013 (Sabtu & Ahad).

MPSJ merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah menjayakan Program Jelajah Kasih Ramadhan MPSJ 2013 yang merangkumi 2 program utama iaitu:

- i. Meraikan 40 Orang Anak-Anak Yatim Dan Asnaf Dari Pusat Jagaan Baitul Hidayah, Puchong Dengan Aktiviti Membeli Belah Keperluan Perayaan Dan Majlis Berbuka Puasa.

Program ini telah diadakan pada 20 Julai 2013 (Sabtu), jam 5.30 petang bertempat di Mydin Shopping Mall, Subang Jaya. Program ini turut disertai oleh 60 Ahli Kelab Motosikal Berkuasa Tinggi, UN Riders, 55 Belia Sukarelawan MPSJ dan 10 Ahli PUSPANITA MPSJ.

- ii. Program Jelajah Sahur Dengan Mengedarkan 200 Pek Juadah Sahur Dan Barangan Keperluan Asas Kepada Pusat Jagaan Anak-Anak Yatim dan Asnaf, Rumah Perlindungan Pesakit HIV, Golongan Miskin dan Ibu Tunggal Di Sekitar Kawasan Puchong dan Seri Kembangan.

Program ini telah diadakan pada 21 Julai 2013 (Ahad), bermula jam 3.00 pagi bertempat di Masjid Al-Falah, USJ 9, Subang Jaya.

Program ini disertai oleh 55 Belia Sukarelawan MPSJ, 20 Sukarelawan Ahli Jawatankuasa Masjid Al-Falah dan 11 Anggota Emergency Response Team (ERT) MPSJ.

Bersempena program ini, barangan keperluan asas dan juadah sahur telah diedarkan kepada 26 rumah fakir miskin, asnaf dan ibu tunggal, 1 pusat perlindungan pesakit HIV dan 1 rumah anak-anak yatim.

Program ini turut disertai oleh Encik Muzammil bin Hafiz, Ahli Majlis MPSJ, Dato' Seri Syed Zainal, Nazir Masjid Al-Falah, DSP Azman, Ketua Turus Trafik & Ketenteraman Awam IPD Subang Jaya dan Encik Azahan, Pengurus Besar The Summit Shopping Mall yang juga mewakili Persatuan Kaunseling Kebangsaan.

MPSJ merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak-pihak yang terlibat iaitu:

- i. MYDIN SHOPPING MALL
- ii. MAMEE SDN. BHD.
- iii. UN RIDERS
- iv. MASJID AL-FALAH, USJ 9
- v. GENEXIS SDN. BHD.
- vi. COLGATE – PALMOLIVE
- vii. IPD SUBANG JAYA & IPD SERDANG
- viii. PIHAK MEDIA

.....serta semua pihak yang telah menyumbang tenaga, kemahiran, masa dan wang ringgit di dalam memastikan kejayaan dan kelangsungan program Jelajah Kasih Ramadhan MPSJ 2013.

Kejayaan penganjuran program ini bukan sahaja memberi impak terhadap pembangunan modal insan kepada para belia yang terlibat di dalam aspek sukarelawan dan khidmat masyarakat tetapi juga memberi kesan yang mendalam dan membantu meringankan beban kepada golongan yang memerlukan.

Pihak Majlis merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua Ahli Majlis, Ketua Jabatan, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ yang telah turut sama menjayakan program ini.

2.6 Majlis Pelancaran Kempen Kibar, Rakam Dan Menang Majlis Perbandaran Subang Jaya 2013

Majlis Perbandaran Subang Jaya akan mengadakan Majlis Pelancaran Kempen Kibar, Rakam dan Menang MPSJ 2013 bersempena sambutan ulangtahun Kemerdekaan Malaysia Ke-56 yang akan diadakan pada 30 Julai 2013 (Selasa) bertempat di Dewan Kenanga MPSJ.

Antara objektif kempen ini diadakan ialah untuk menyemarakkan sambutan Bulan Kemerdekaan yang Ke-56 di seluruh kawasan pentadbiran MPSJ dan menzahirkan semangat patriotik di kalangan rakyat setempat.

2.7 Program Tadarus Dan Khatam Al-Quran Peringkat Majlis Perbandaran Subang Jaya

Majlis Perbandaran Subang Jaya dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Surau MPSJ dan Kelab Sukan Dan Kebajikan MPSJ akan mengadakan satu Majlis Khatam Al-Quran pada 01 Ogos 2013 (Khamis), jam 9.30 Pagi bertempat di Bilik Mesyuarat Kenanga, Bangunan MPSJ.

Pada tahun ini seramai 100 orang peserta yang terdiri daripada warga kerja MPSJ telah turut sama menyertai program Tadarus dan Khatam Al-Quran bagi mengimarahkan sambutan bulan Ramadhan Al-Mubarak pada tahun ini.

2.8 Program Bandar Persahabatan MPSJ - Hioki City, Jepun

MPSJ telah menjalin hubungan rasmi dengan Bandar Hioki, Jepun sebagai Bandar Persahabatan pada tahun 2012. Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan sepanjang tempoh tersebut seperti program keluarga angkat, program perkongsian ilmu, budaya dan pertukaran kemahiran.

Pada tahun ini, delegasi Hioki akan sekali lagi berkunjung ke Malaysia khususnya MPSJ pada 21 - 29 Ogos 2013. Seramai 8 peserta anak angkat dan 7 keluarga angkat akan terlibat dalam program kali ini yang akan berlangsung dari 23 - 26 Ogos 2013.

Delegasi akan membuat kunjungan hormat ke MPSJ pada 23 Ogos 2013 serta pada masa yang sama melihat *Pusat Usahasama MPSJ-Hioki* yang akan dilawati pada hari tersebut.

Antara program yang diadakan sempena kunjungan delegasi Hioki City ke MPSJ ialah:

- i. *Pelancaran Pusat Usahasama MPSJ - Hioki* akan disempurnakan oleh YBhg. Dato' Yang Dipertua MPSJ pada 23 Ogos 2013 (Jumaat). Pusat tersebut diwujudkan bagi mengeratkan lagi hubungan dua hala MPSJ - Hioki selain memudahkan komuniti menjalankan aktiviti-aktiviti yang berfaedah serta memberi manfaat.
- ii. *Alumni Look East Policy Society (ALEPS)* bersetuju menjadi rakan penyelaras dalam program Bandar persahabatan ini bagi memastikan hubungan dua hala MPSJ - Hioki terus utuh.

2.9 Pemeteraian Memorandum Persefahaman (MOU) Program Majlis Perbandaran Subang Jaya

MPSJ akan meneruskan usahasama pintar dengan beberapa agensi bagi melaksanakan program-program yang telah dirancang melalui pemeteraian Memorandum Persefahaman Program MPSJ pada 23 Ogos 2013 (Jumaat). Antara program yang telah disenaraikan ialah :

- i) MPSJ – ALEPS (Alumni Look East Policy Society)
- ii) MPSJ – Mamee-Double Decker (M) Berhad
- iii) MPSJ – CapitalTV.my (Online Dynamics (M) Sdn. Bhd.

2.10 Majlis Rumah Terbuka Sambutan Aidil Fitri Majlis Perbandaran Subang Jaya 2013

MPSJ akan menganjurkan Majlis Rumah Terbuka Sempena Sambutan Hari Raya Aidil Fitri Majlis Perbandaran Subang Jaya 2013 pada 23 Ogos 2013 (Jumaat), bermula jam 3.00 petang bertempat di Perkarangan Tempat Letak Kereta, Bangunan MPSJ.

2.11 Laporan Demam Denggi

Sehingga minggu Epid 29 (iaitu sehingga 20 Julai 2013), terdapat sebanyak 676 kes denggi dilaporkan dengan sebanyak 338 kes disahkan positif. Buat masa ini terdapat 1(satu) kawasan hotspot denggi di kawasan pentadbiran MPSJ iaitu di *Saujana Puchong 7* dengan kumulatif 20 kes dilaporkan setakat ini.

Pada masa ini juga banyak kes denggi dilaporkan berlaku di kawasan kediaman bertingkat dan ini amat membimbangkan. Setakat ini terdapat 1 (satu) kes kematian denggi berlaku di sebuah kawasan flat kos rendah di *Serdang Perdana 5* melibatkan seorang wanita berusia 20 tahun pada bulan Mei yang lalu.

Menjelang perayaan Hari Raya Aidil Fitri yang bakal menjelang tiba tidak lama lagi, dijangka ramai penduduk di kawasan pentadbiran MPSJ akan pulang ke kampung masing-masing untuk menyambut hari lebaran. Sehubungan itu, penduduk perlu memastikan kawasan kediaman dan premis masing-masing bebas daripada tempat-tempat pembiakan aedes dengan memusnahkan tempat-tempat atau bekas-bekas yang berpotensi menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes sebelum pulang ke kampung halaman masing-masing.

2.12 Garis Panduan Reka Bentuk Sejagat (Universal Design) Untuk OKU

Garis Panduan Reka Bentuk Sejagat (Universal Design) OKU telah disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD) untuk membantu Pihak Berkuasa Negeri, PBT dan agensi pelaksanaan di dalam merancang dan mereka bentuk kemudahan-kemudahan dan persekitaran Bandar yang memenuhi keperluan akses OKU.

Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Kemudahan OKU Bil. 01/2013 yang telah diadakan di MPSJ pada 25 Julai 2013 (Khamis) mencadangkan agar diadakan *Hari OKU MPSJ* pada Bulan Disember setiap tahun bagi mewujudkan dan menghidupkan kesedaran berkenaan kepentingan penyediaan keperluan OKU di kawasan MPSJ.

Usaha-usaha menarik pihak tertentu untuk turut sama membantu di dalam menyediakan keperluan masyarakat OKU agar tidak ketinggalan di dalam pembangunan semasa. Keprihatinan dan kesedaran semua pihak di dalam penyediaan kemudahan OKU ini adalah amat diharapkan.

Kemudahan OKU meliputi perancangan kemudahan di luar bangunan (MS 1331:2003) dan di dalam bangunan (MS 1184:2002 dan MS 2015: Part 1:2006) iaitu :

- i. Laluan Pejalan Kaki
- ii. Lintasan Pejalan Kaki
- iii. *Guiding Blocks/Tactile Blocks*
- iv. Tempat Letak Kereta
- v. Hentian Bas
- vi. Pintu Masuk Utama Bangunan
- vii. *Step Ramp/Dropped Kerb*
- viii. *Ramp*
- ix. *Handrail;*
- x. Papan Tanda dan Simbol
- xi. Tangga, Lif dan Eskalator
- xii. Tandas
- xiii. Perabot Jalan
- xiv. Telefon Awam
- xv. Tempat Duduk/Bangku Awam
- xvi. Peti Surat/Tong Sampah
- xvii. Pagar Keselamatan
- xviii. Lain-lain
- *Automated Teller Machine (ATM)*

Di MPSJ, sebanyak 80 permohonan Kebenaran Merancang telah dikenakan syarat-syarat penyediaan kemudahan OKU sepanjang tahun 2012 dan Januari 2013 hingga Jun 2013.

Keperluan Kemudahan Orang Kurang Upaya (OKU) telah disyaratkan ke atas kelulusan semua pelan bangunan seperti berikut:

- i. Kompleks Perniagaan;
- ii. Bangunan Perniagaan;
- iii. Bangunan Industri;

- iv. Kemudahan Awam;
- v. Institusi /Sekolah;
- vi. Kompleks Pejabat;
- vii. Kediaman berbilang tingkat

Keperluan kemudahan OKU ini adalah merupakan satu keperluan utama di dalam sesebuah bangunan terutamanya yang menjadi tumpuan orang ramai seperti pusat membeli belah, bangunan pejabat kerajaan, bangunan awam dan sebagainya. Tugas Pihak Berkuasa Tempatan perlu menerapkan aspek-aspek yang dicadangkan di dalam Garis Panduan OKU yang telah disediakan oleh Pihak JPBD Semenanjung Malaysia.

2.13 Ucapan Khas Sempena Hari Raya Aidil Fitri

Memandangkan Mesyuarat Penuh MPSJ pada bulan hadapan akan diadakan pada akhir bulan Ogos (28 Ogos 2013), saya mengambil kesempatan ini bersempena Hari Raya Aidil Fitri yang bakal disambut pada 08 Ogos 2013 (Khamis), saya mewakili warga kerja Majlis Perbandaran Subang Jaya mengucapkan *Selamat Hari Raya Aidil Fitri* kepada semua Ahli Majlis dan Warga Kerja MPSJ yang beragama Islam.

Pihak Majlis mengharapkan semoga dengan kehadiran bulan Syawal yang bakal menjelma, marilah kita bersama-sama meraikannya dengan penuh syukur dan muhibbah. Gunakanlah peluang di hari lebaran ini untuk meraikan sambutan Aidil Fitri bersama orang-orang tersayang, khususnya ibu bapa dan keluarga tercinta di samping mempereratkan hubungan silaturrahim serta merapatkan tali persaudaraan.

SELAMAT MENYAMBUT HARI RAYA AIDIL FITRI 1434H
MAAF ZAHIR BATIN
BERHATI-HATI DI JALAN RAYA

3.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 06/2013 BERTARIKH 20 JUN 2013.

Minit Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 06/2013 bertarikh 20 Jun 2013 telah disahkan tanpa pindaan.

4.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

4.1 Bonus Hari Raya Aidil Fitri 1434H/2013

Dato' YDP memaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke-21/2013 yang bermesyuarat pada 24 Julai 2013 secara dasar telah meluluskan pemberian bonus sebulan gaji kepada semua anggota Perkhidmatan Awam yang berkhidmat di Jabatan/Agensi Negeri Selangor.

Sehubungan dengan itu, pihak Majlis bersetuju menerima pakai keputusan Kerajaan Negeri berhubung pemberian bonus sebulan gaji kepada semua anggota Perkhidmatan Awam yang berkhidmat di Jabatan/Agensi Negeri Selangor memandangkan keputusan pembayaran bonus ini telah dipanjangkan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun Negeri. Pembayaran bonus ini akan dilaksanakan sebelum 01 Ogos 2013.

**Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan /
Jabatan Perbendaharaan**

4.2 Pemberian Bayaran Khas Hari Raya Kepada Ahli Majlis

Encik Jaber bin Ami memohon pertimbangan pihak Majlis supaya pemberian bonus sebulan gaji oleh Kerajaan Negeri Selangor kepada semua anggota Perkhidmatan Awam yang berkhidmat di Jabatan/Agensi Negeri Selangor sempena Hari Raya Aidil Fitri 2013 dipanjangkan kepada Ahli Majlis yang berkhidmat di MPSJ.

Beliau mencadangkan Ahli Majlis diberikan saguhati Hari Raya sebanyak RM1,500.00 seorang sebagai menghargai perkhidmatan cemerlang mereka sepanjang tempoh perkhidmatan sebagai Ahli Majlis. Sungguhpun demikian keputusan ini tertakluk kepada persetujuan dan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

**Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan /
Jabatan Perbendaharaan**

4.3 Mesyuarat Teknikal Kemudahan Orang Kelainan Upaya (OKU) MPSJ

Encik Loka Ng Sai Kai ingin tahu senarai Ahli Majlis yang dilantik menganggotai Mesyuarat Teknikal Kemudahan Orang Kelainan Upaya (OKU) MPSJ. Beliau turut menawarkan diri untuk dilantik menganggotai mesyuarat teknikal tersebut.

Tindakan : Jabatan Perancang Bandar

4.4 Sistem Aduan MPSJ

Encik Chang Kim Loong memohon supaya pihak Majlis memberikan informasi yang lengkap kepada pengadu berhubung sesuatu aduan yang dikemukakan. Beliau turut meminta supaya status aduan sentiasa dikemaskini untuk makluman kepada pihak pengadu. Sehubungan itu, beliau mencadangkan agar MPSJ membuat kajian penambahbaikan terhadap Sistem Aduan MPSJ selain dapat mempertimbangkan penggunaan aplikasi dan teknologi terkini bagi mempertingkatkan kecekapan MPSJ dalam menangani isu berhubung perkara ini.

Tindakan : Jabatan Perancangan Korporat

4.5 Peningkatan Pembiakan Nyamuk Dan Kes Denggi Di Kawasan Pentadbiran MPSJ

Encik Tai Cheng Heng memohon penjelasan berhubung perkembangan terkini yang menunjukkan peningkatan pembiakan nyamuk dan kes denggi di kawasan pentadbiran MPSJ. Beliau juga ingin tahu apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh MPSJ untuk menangani perkara ini.

Tindakan : Jabatan Kesihatan

4.6 Laporan Bulanan Polis Daerah Subang Jaya

Encik Jaber bin Ami memohon supaya pihak polis memberikan maklumat berkenaan kes pecah rumah di kawasan pentadbiran MPSJ dalam laporan bulanan Polis Daerah Subang Jaya.

Tindakan : Jabatan Pelesenan

4.7 Prosedur Turapan Jalan Di Hadapan Rumah Kawasan Perumahan

Encik Loka Ng Sai Kai ingin tahu berkenaan prosedur dan spesifikasi kerja bagi kerja-kerja penurapan jalan ke jalan masuk hadapan rumah di kawasan perumahan di MPSJ.

Tindakan : Jabatan Kejuruteraan

5.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA

5.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit Dan Pengurusan Korporat Bil. 07/2013 Bertarikh 02 Julai 2013

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Bahagian Audit Dalam

5.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 13/2013 Bertarikh 02 Julai 2013

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 8.1.1 m.s 67	En. Chang Kim Loong	CF Abra Development Sdn. Bhd.	Beliau memohon supaya pihak Majlis menguruskan dengan segera permohonan CF oleh Abra Development Sdn. Bhd. <u>Maklumbalas:</u> Tuan Pengerusi meminta Jabatan Bangunan menguruskan perkara ini dengan

				segera dan memaklumkan keputusan permohonan ini kepada pihak pemohon.
--	--	--	--	---

Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)

**5.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)
Bil. 14/2013 Bertarikh 16 Julai 2013**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersejua menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 3.2 m.s 7	En. Pooi Weng Keong	YLY Development Sdn. Bhd.	Beliau memaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.14/2013 telah membuat keputusan ' Lulus Dengan Syarat ' berhubung permohonan Kebenaran Merancang ini dan bukannya ' Tanggung ' seperti yang dicatatkan dalam Minit Mesyuarat. <u>Maklumbalas:</u> Tuan Pengerusi memutuskan untuk mengekalkan keputusan ' Tanggung ' seperti

				<p>yang dicatatkan dalam Minit Mesyuarat.</p> <p>Tuan Pengerusi seterusnya memaklumkan bahawa perkara ini akan dibentangkan semula di dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC yang akan datang.</p>
2	para 4.28 m.s 43	En. Chang Kim Loong	Flora Development Sdn. Bhd.	<p>Beliau memohon supaya pihak IOI Group mengadakan taklimat berkaitan cadangan pembangunan di kawasan Bandar Puteri, Puchong.</p> <p>Beliau mencadangkan supaya semua ADUN dan Ahli Majlis dijemput untuk menghadiri taklimat ini.</p> <p>Beliau turut meminta supaya pembentangan laporan 'Traffic Impact Assesment', 'TIA' dan laporan kajian lalulintas dan pengangkutan jalan dimasukkan sebagai salah satu agenda di dalam taklimat berkenaan.</p>

				<p><u>Maklumbalas:</u> Tuan Pengerusi bersetuju dengan cadangan ini dan meminta Jabatan Perancang Bandar mengambil tindakan selanjutnya berhubung perkara ini.</p>
--	--	--	--	--

Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)

5.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Bil. 07/2013 Bertarikh 10 Julai 2013

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat

5.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Dan Kesihatan Bil. 07/2013 Bertarikh 17 Julai 2013

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 10.3 (ii) m.s 87	En. Loka Ng Sai Kai	Lokasi Tanah Lapang Untuk Peniaga Berkenderaan	<p><u>Pindaan Minit :</u> Beliau memaklumkan bahawa lokasi yang dimaksudkan adalah di 'Jalan Tempua 2A, Bandar Puchong Jaya' dan bukannya di 'Medan Selera Puchong Utama' seperti yang dicatatkan dalam Minit Mesyuarat.</p> <p><u>Maklumbalas:</u> Tuan Pengerusi meminta Jabatan Pelesenan mengambil maklum mengenai perkara ini dan membuat pindaan kepada Minit Mesyuarat.</p>
2	para 7 (L) (i) m.s 19	En. Muzammil bin Hafiz	Laporan Program Pembasmian Kacauganggu Tikus	Beliau meminta supaya operasi pembasmian kacauganggu tikus diadakan secara berterusan oleh pihak Majlis untuk memastikan persekitaran yang sihat dengan mencegah penularan wabak penyakit bawaan tikus.

				<p><u>Maklumbalas:</u> Tuan Pengerusi bersetuju dengan cadangan ini dan meminta Jabatan Kesihatan membuat tindakan susulan berhubung perkara ini.</p>
--	--	--	--	---

Tindakan : Jabatan Pelesenan

5.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Bil. 07/2013 Bertarikh 18 Julai 2013

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Pengurusan Alam Sekitar

5.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil. 07/2013 Bertarikh 19 Julai 2013

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 8.8.1 m.s 35	En. Tai Cheng Heng	Laman Seni, Seri Kembangan	<p>Beliau meminta pihak Majlis memulakan segera pembinaan galleria di Laman Seni, Seri Kembangan memandangkan kertas kerja berkenaan perkara ini telah diluluskan dua atau tiga tahun lepas.</p> <p><u>Maklumbalas:</u> Tuan Pengerusi meminta Bahagian Lanskap mengambil tindakan selanjutnya berhubung perkara ini.</p>
2	Hal-Hal Lain	En. Tai Cheng Heng	Cadangan Pembinaan Stesen Teksi Di Taman Sungai Besi Indah	<p>Beliau meminta maklumbalas berkenaan status terkini cadangan pembinaan Stesen Teksi di Taman Sungai Besi Indah.</p> <p><u>Maklumbalas:</u> Tuan Pengerusi meminta Jabatan Kejuruteraan membuat semakan selanjutnya berhubung status cadangan ini.</p>

3	Hal-Hal Lain	En. Micheal Tamilarason a/l K. Nadaysen	Perhentian Bas Di Batu 14, Puchong	<p>Beliau meminta pihak Majlis mempertimbangkan permohonan untuk pembinaan perhentian bas di hadapan Pasar Batu 14, Puchong.</p> <p><u>Maklumbalas:</u> Tuan Pengerusi meminta Jabatan Kejuruteraan menyemak semula permohonan tersebut dan mengadakan lawatan tapak ke lokasi yang dicadangkan.</p>
4	Hal-Hal Lain	En. Sapiyan bin Mohd. Din	Cadangan Pembinaan Tempat Letak Kereta Bertingkat Di Stesen LRT Puchong Perdana (Stesen 10)	<p>Beliau memohon supaya pihak Majlis mengadakan mesyuarat bersama pihak Prasarana Negara Berhad berhubung cadangan untuk membuat pindaan/perubahan ke atas pelan sedia ada bagi membina tempat letak kereta bertingkat di Stesen LRT di Puchong Perdana (Stesen 10).</p> <p><u>Maklumbalas:</u> Tuan Pengerusi meminta Jabatan Perancang Bandar dan Jabatan Kejuruteraan</p>

				membuat kajian terperinci mengenai aspek teknikal berhubung perkara ini dan seterusnya mengadakan perbincangan bersama pihak Prasarana Negara Berhad bagi mencari alternatif yang sesuai berkenaan cadangan ini.
--	--	--	--	--

Tindakan : Jabatan Kejuruteraan

5.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan Dan Teknologi Maklumat Bil. 05/2013 Bertarikh 22 Julai 2013

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	m.s 1	En. Jaber bin Ami	Keahlian Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan Dan Teknologi Maklumat	<u>Pindaan Minit :</u> Beliau meminta supaya nama beliau dikeluarkan dari senarai ketidakhadiran mesyuarat kerana beliau bukan Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan Dan Teknologi Maklumat.

				<p><u>Maklumbalas:</u> Tuan Pengerusi meminta pihak urusetia mesyuarat mengambil maklum mengenai perkara ini.</p>
2	para 5.1 m.s 5	En. Pooi Weng Keong	Laporan Audit Dan Keberkesanan Pemasangan CCTV MPSJ	<p><u>Pindaan Minit :</u> Beliau memaklumkan bahawa 'Mesyuarat bersetuju mengambil maklum mengenai Laporan Audit Dan Keberkesanan Pemasangan CCTV MPSJ' dan bukannya 'Mesyuarat bersetuju menerima Laporan Audit Dan Keberkesanan Pemasangan CCTV MPSJ' seperti yang dicatatkan dalam Minit Mesyuarat.</p> <p><u>Maklumbalas:</u> Tuan Pengerusi meminta pihak urusetia mesyuarat mengambil maklum mengenai perkara ini dan membuat pindaan kepada Minit Mesyuarat.</p>

Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan

**5.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 07/2013
Bertarikh 22 Julai 2013**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Perbendaharaan

6.0 UCAPAN PENANGGUHAN

- 6.1 Pengerusi Majlis mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Majlis di atas kerjasama sepanjang mesyuarat dijalankan dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.00 tengah hari.

'MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI'

Disediakan oleh;

.....
(ABDULLAH BIN MARJUNID, A.I.S., A.M.S.)
Setiausaha Perbandaran
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

.....
(DATO' ASMAWI BIN KASBI, D.S.I.S., S.M.S.)
Pengerusi Mesyuarat
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Tarikh :